

IPTS pertama tawar kursus halal

Oleh IKHWAN IDERIS

ikhwan.ideris@kosmo.com.my

SUBANG JAYA - Halal Industry Development Corporation (HDC) memeterai memorandum persetujuan dengan Universiti Taylor di sini semalam, untuk memperkenalkan kursus halal kepada pelajar institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) tersebut.

Bermula pada Mac 2012, pelajar program Ijazah Sains Makanan dan Khasiat serta Ijazah Sains Bioperubatan Universiti Taylor berpeluang mengikuti subjek elektif iaitu Pengenalan Kepada Makanan Halal dan Prinsip Pengurusan Perniagaan Makanan Halal yang diajar oleh pakar-pakar dari HDC.

Ketua Pegawai Eksekutif HDC, Datuk Seri Jamil Bidin berkata, ini merupakan kali pertama pihaknya bekerjasama dengan sebuah IPTS untuk menyediakan latihan berkaitan industri halal.

"Sebelum ini, HDC telah bekerjasama dengan beberapa buah institusi pengajian tinggi awam tempatan seperti Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia.

"Kami juga sedang berbincang dengan sekurang-kurangnya dua buah universiti dari luar negara untuk menyediakan latihan yang sama," katanya pada majlis memeterai persetujuan usaha sama kedua-dua pihak me-

ngenai kursus itu di sini semalam.

Hadir sama ialah Naib Canselor dan Presiden Universiti Taylor, Profesor Dr. Datuk

Hassan Said; Naib Presiden Pembangunan Industri HDC, Dr. Malik Musharaf dan Dekan Fakulti Biosains Universiti Taylor, Dr. Stacey Yong.

Menurut Jamil, setakat 30 September lalu, HDC telah melatih lebih daripada 38,000 peserta dalam pelbagai modul latihan halal termasuk peserta dari Australia, Turki, China dan Jepun.

Sementara itu, Hassan berkata, antara komponen pembelajaran yang ditawarkan dalam kursus elektif tersebut turut melibatkan pembelajaran secara elektronik dan berdepan serta lawatan tapak untuk menerangkan pelbagai aktiviti berkaitan seperti proses samak.

"Pelajar juga akan mendapat pendedahan kepada suasana di dunia sebenar dengan latihan industri wajib selama 10 minggu dalam bidang pembuatan makanan, pemprosesan, sains khasiat dan pembangunan produk," katanya.

Tambah Hassan, setelah tamat pengajian, pelajar yang beragama Islam juga boleh mengikuti kursus penuh halal yang ditawarkan HDC untuk menjadi pegawai atau juruaudit halal bertauliah yang kini menerima permintaan tinggi dalam industri.



JAMIL (dua kiri) bertukar dokumen dengan Hassan sambil diperhatikan, Malik (kiri) dan Stacey pada majlis memeterai persetujuan usaha sama kedua-dua pihak di Subang Jaya semalam.